KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

RM 5 JUTA DIPERUNTUKAN PADA TAHUN 2025 BAGI MEMPERKASA PKD

---

1. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mengadakan Program PKD Mobile Kunak, Sabah pada 14 hingga 15 Disember 2024 bertempat di Padang Pekan Daerah Kunak, Sabah. Program ini dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Rubiah Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah dan turut dihadiri oleh YB Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Sains,Teknologi dan Inovasi.

2. Sebanyak 20 pempamer kaunter perkhidmatan dan kaunter bergerak daripada Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan dan swasta serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) turut mengambil bahagian dalam program ini.

3. Bagi memastikan peranan Pusat Komuniti Desa (PKD) di kawasan desa terus diperkasa, peruntukan keseluruhan PKD telah bertambah daripada RM4 juta pada tahun 2024 kepada RM5 juta untuk program permerkasaan PKD termasuk pelaksanaan Program PKD Mobile.

4. Bagi tempoh RMKe-12, iaitu dari tahun 2021 hingga 30 November 2024, sebanyak 23,804 program telah dilaksanakan oleh PKD di seluruh negara melibatkan program-program latihan kemahiran, aktiviti pemerkasaan wanita, pusat perkhidmatan setempat, pusat sukarelawan, dan pusat pengumpulan dan pemasaran produk

usahawan desa yang mana telah dimanfaatkan oleh 739,308 orang penduduk luar bandar di seluruh negara khususnya yang tinggal di sekitar lokasi PKD tersebut. Di Sabah terdapat 15 buah PKD yang setiap satunya diuruskan oleh seorang Pengurus.

5. Program PKD Mobile yang telah diperkenalkan sejak tahun 2023 dan dijadikan sebagai salah satu daripada Program Utama KKDW bertujuan memperluas perkhidmatan PKD sedia ada termasuk perkhidmatan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan swasta dalam bentuk kaunter perkhidmatan yang akan bergerak ke kawasan-kawasan desa yang terpilih selain sebagai satu program *reach out* Kementerian bagi menyantuni penduduk-penduduk di luar bandar.

6. Langkah ini adalah sebagai salah satu inisiatif KKDW untuk terus membawa perkhidmatan PKD fizikal sedia ada di 191 kawasan diseluruh negara ke kawasan lain khususnya yang tidak mempunyai akses kepada PKD.

-TAMAT

Disediakan Oleh

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
14 Disember 2024